



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 6/2009**

**Penyediaan Dan Pendaftaran Hakmilik Tetap (*Final Title*)  
Tanpa Perlu Mendaftarkan Hakmilik Sementara (*Qualified Title*)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



## **Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 6/2009**

### **Penyediaan Dan Pendaftaran Hakmilik Tetap (*Final Title*) Tanpa Perlu Mendaftarkan Hakmilik Sementara (*Qualified Title*)**

#### **Tujuan**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai penyediaan, pendaftaran dan pengeluaran hakmilik tetap selaras dengan pindaan kepada Kanun Tanah Negara (KTN) melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

#### **Latar Belakang**

2. Sebelum pindaan kepada KTN di atas, di bawah seksyen 80(3) KTN, Hakmilik Sementara didaftar dan dikeluarkan oleh Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah kepada pemohon yang telah diluluskan pemberimilikan tanah atau dalam urusan pembangunan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) setelah dijelaskan segala bayaran fi yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri.

#### **Tindakan Pendaftaran dan Pengeluaran Hakmilik Tetap**

3. Dengan pindaan KTN melalui Akta A1333, peruntukan subseksyen 80(3A) KTN menetapkan Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah boleh mendaftar dan mengeluarkan Hakmilik Tetap kepada tuannya tanah tanpa perlu didaftar dan dikeluarkan Hakmilik Sementara terlebih dahulu dengan syarat tanah yang akan didaftar dan dikeluarkan Hakmilik Tetap telah diukur halus (*detailed survey*) mengikut seksyen 83 KTN.

4. Walau bagaimanapun sekiranya tuannya tanah masih memerlukan Hakmilik Sementara, Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah mendaftar dan mengeluarkannya.

5. Perenggan 81(1)(d) KTN telah dipinda bagi membezakan fi bayaran kepada kedua-dua cara pendaftaran dan pengeluaran hakmilik ini. **Kaedah-Kaedah Tanah Negeri hendaklah dipinda untuk menjelaskan kadar bayaran atau kutipan fi bagi urusan yang berkaitan dengan pendaftaran dan pengeluaran Hakmilik Sementara dan Hakmilik Tetap atau Hakmilik Tetap sahaja.**

#### **Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa**

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara, mula berkuat kuasa setelah Kaedah-Kaedah Tanah Negeri dipinda dengan sewajarnya.



**(DATO' ABD HALIM BIN AIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail: JKPTG(S)/101/KPU/SP&P/1032-3 Jld. 6

Tarikh: 1 Jun 2009